




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 466 kes. Bilangan kematian adalah 3 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di Negeri ini sebanyak 14,519 kes.
- 2 Pada hari ini, seramai 277 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh ialah seramai 7,960 orang. Manakala seramai 3,873 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 751 orang di hospital dan 3,122 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 69 orang manakala 20 orang memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini daerah Tambunan telah bertukar ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, terdapat tiga (3) kluster baharu di Kota Kinabalu iaitu:
- (i) Kluster Sembulan sebanyak 12 kes berpunca daripada syarikat kurier.
 - (ii) Kluster Telipok sebanyak 10 kes yang berpunca daripada saringan pekerja kilang beras.
 - (iii) Kluster Rumah Merah sebanyak 57 Kes melibatkan penghuni pusat tahanan sementara di Menggatal.
- 5 Jumlah penambahan kapasiti katil hari ini di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 33 katil menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 7,892 katil. Penggunaan katil keseluruhan sehingga hari ini adalah 48.73%.

B. SUMBANGAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- 1 Kerajaan menghargai penglibatan dan keprihatinan badan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu pihak yang terkesan susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Justeru, bagi melancarkan proses pengagihan makanan, Kerajaan telah menetapkan semua bantuan perlu disalurkan kepada Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) daerah masing-masing.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **104,209** bakul makanan telah diagihkan.
- 2 Isu bekalan makanan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Semarak, Tawau telah diambil tindakan oleh PKOB daerah.
- 3 Garis panduan bantuan bakul makanan dilampirkan semula untuk panduan bersama.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1. Sebanyak 64 SJR telah dilaksanakan di 64 lokasi melibatkan 36,833 kenderaan diperiksa. Manakala, sebanyak 340 buah kenderaan diarah berpatah balik dengan 29 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
2. Penguatkuasaan undang-undang di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan kawasan Pantai Timur adalah sebanyak 45 pemeriksaan dan perairan Labuan sebanyak tiga (3) pemeriksaan.
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tujuh (7) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Semporna, Kudat dan Sandakan.
4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 104 lokasi di lapan (8) buah daerah.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Kerajaan Negeri komited untuk memberi yang terbaik kepada rakyat dari segi penyampaian perkhidmatan, saluran bantuan kepada yang memerlukan dan sumber informasi yang tepat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

30 Oktober 2020



GARIS PANDUAN BANTUAN BAKUL MAKANAN

DISEDIAKAN OLEH :
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SABAH (COVID- 19)

BERKUATKUASA PADA:
12 OKTOBER 2020

1

PELAKSANA BANTUAN BAKUL MAKANAN



Bantuan bakul makanan adalah dilaksanakan oleh PKOB Daerah (mulai dari tarikh di lockdown dan dikuarantin).

2

SASARAN PENERIMA BANTUAN BAKUL MAKANAN



1. Penduduk yang terjejas di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu kampung-kampung yang *lockdown*.
2. Keluarga yang tidak boleh keluar rumah atas arahan perintah kuarantin rumah.

3

PERUNTUKAN BANTUAN



RM 2 Juta setiap daerah

Perbelanjaan hendaklah mengikut keperluan sebenar selaras dengan sasaran penerima bantuan bakul makanan yang telah ditetapkan.

Peruntukan bantuan disalurkan kepada daerah penuh sahaja. Keperluan daerah kecil hendaklah ditampung oleh daerah penuh.

4



PEROLEHAN

1. Nilai Bakul Makanan adalah RM100 setiap bakul. Kandungan bakul makanan adalah beras, gula, kopi/teh, tepung, minyak masak, garam, bekalan botol (kicap,sos), mee kering/maggi, roti kering, telur dan makanan tin. Walau bagaimanapun, nilai bakul makanan dan isi kandungan bakul makanan adalah tertakluk kepada keputusan PKOB Daerah sesuai dengan ketersediaan bekalan dan harga pasaran di daerah masing-masing.
2. Kaedah perolehan hendaklah menggunakan Perolehan Darurat.

5



ISU-ISU LAIN

Sebarang isu lain yang berkaitan dengan Bantuan Bakul Makanan di luar Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (Covid-19).

7



LOGISTIK

1. Bekalan hendaklah dihantar ke PKOB Daerah.
2. Seterusnya, agihan bantuan bakul makanan akan diselaraskan oleh PKOB Daerah melalui PDRM, RELA, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah dan agensi-agensi Kerajaan lain yang difikirkan sesuai oleh PKOB Daerah.

6